

18 JAN 1997

DR MAHATHIR: MALAYSIA AKAN TANDATANGANI ITA JULAI INI

Oleh: Salmy Hashim

SANTA CLARA, (California), 18 Jan (Bernama) -- Malaysia akan menandatangani Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA), satu persetujuan pelbagai hala untuk meliberalkan berbagai keluaran teknologi maklumat, Julai ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Malaysia tidak menandatangani perjanjian itu di Singapura bulan lalu apabila perkara tersebut dirundingkan semasa mesyuarat sulung menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa kerana ia mahu mengkaji syarat-syarat perjanjian untuk melihat kalau-kalau ia mempunyai kesan yang memudharatkan Malaysia, jelas Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita-pemberita Malaysia selepas mesyuarat ketua eksekutif 33 syarikat teknologi tinggi, termasuk sebilangan besar syarikat-syarikat pimpinan Asia, dari sekitar Lembah Silikon di hotel tempat beliau menginap di sini.

Dr. Mahathir berkata Malaysia akan bersedia untuk "menandatangani garis bertitik itu" tidak lama lagi, katanya kepada Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Pentadbiran Apple Computer, George Scalise, semasa sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan kepada para eksekutif tersebut mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC).

Di samping itu, Malaysia tidak akan mengenakan sebarang cukai ke atas import kelengkapan multimedia di bawah Bil Jaminan Multimedia bagi syarikat-syarikat yang menerima taraf MSC daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Di antara ketua-ketua industri IT yang menghadiri sesi itu pagi tadi ialah dari Pyramid Technology Corporation, Yahoo dan Cisco Systems.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata kerajaan juga bercadang untuk mengkaji, dan jika perlu "meminda dan menggubal undang-undang baru" bagi mengadakan modal teroka untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana, terutama syarikat-syarikat yang baru bermula menceburi multimedia.

Dalam ucapannya, yang serupa seperti yang disampaikan di University of California di Los Angeles dan di Stanford University, beliau menyeru syarikat-syarikat Lembah Silikon melabur dalam MSC dan "menjadi rakan kongsi kami dalam meneroka bidang baru yang menarik ini."

Terdahulu, Dr. Mahathir mengadakan sesi seorang demi seorang dengan enam anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP). Mereka terdiri daripada Stan Shih dari Acer, Jim Manzi dari Nets Inc, Scott McNealy dari Sun, Eckhard Pfeiffer dari Compaq, Lynton Wilson dari BCE, dan Reilly Bechtel dari Bechtel.

Perdana Menteri yang mengetuai perwakilan pemimpin-pemimpin korporat Malaysia dan pegawai-pegawai atasan kerajaan untuk tujuan mempromosikan MSC, mengakhiri lawatan tujuh harinya ke California dan akan bertolak ke Tokyo pula pada hari Sabtu untuk meneruskan misinya memperkenalkan MSC kepada syarikat-syarikat IT Jepun. -- BERNAMA

SH KY\rif